

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN BARU BIAN
KAWASAN : SELANGAU
TARIKH : 11 OGOS 2020 (SELASA)

SOALAN NO. 18

minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kerajaan akan meneruskan projek pembinaan *Sarawak Sabah Link Road (SSLR)* dan apakah status terkini projek tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan akan tetap meneruskan Projek *Sarawak - Sabah Link Road* (SSLR) yang dilaksanakan secara berfasa iaitu Fasa 1 dari Lawas ke Kampung Pa' Berunut dan Fasa 2 dari Kampung Pa' Berunut ke Long Lama. Setakat kini, surat niat (LOI) telah dikeluarkan kepada kontraktor pada 7 Julai 2020 manakala SST akan dikeluarkan apabila kontraktor memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan dalam dokumen tender.

Sekian, terima kasih.